

RON95 naik 2 sen lagi menjelang Tahun Baru Cina
Malaysia Kini.com
7 Februari 2018

Harga petrol RON95 naik 2sen dan RON97 pula 3sen bermula 12.01 tengah malam ini.

Untuk minggu mendatang, RON95 akan dijual pada harga RM2.33 seliter manakala RON97 pula akan dijual dengan harga RM2.61 seliter.

Bagaimanapun, harga diesel jatuh 3sen kepada RM2.31 seliter.

Kenaikan itu mungkin menimbulkan rungutan orang ramai yang pulang ke kampung halaman untuk merayakan Tahun Baru Cina pada 16 Februari depan.

Minggu lepas, harga semua jenis bahan bakar kenderaan telah naik 2sen.

Copyright © 1999-2018 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <https://www.malaysiakini.com/news/411479>